



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)100-4/10 Jld. 3 (4)

Tarikh : 07 Januari 2018

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 01 TAHUN 2018 PERATURAN PEMBAYARAN BAYARAN KHAS TAHUN 2017

1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kaedah pembayaran **BAYARAN KHAS TAHUN 2017**.

2. LATARBELAKANG

Pembayaran ini adalah selaras dengan Pekeling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 12/2017 bertarikh 29 Disember 2017. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama dengan pekeliling tersebut yang boleh didapati melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Sabah <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

3. KADEAH PEMBAYARAN

- 3.1 Bayaran Khas Tahun 2017 akan dibayar secara automatik melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) bersekali dengan gaji bulan Januari 2018. Bayaran dibuat hanya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) yang aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2018 dan mempunyai rekod bayaran gaji untuk tempoh tiga (3) bulan berturut-turut dalam SGP pada tahun 2017.
- 3.2 Pembayaran hanya boleh dibuat melalui SGP. Oleh yang demikian, bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak aktif dibayar gaji melalui SGP pada bulan Januari 2018 tetapi layak dibayar Bayaran Khas Tahun 2017, Jabatan hendaklah menyedia input Bayaran Khas Tahun 2017 melalui Sistem e-PAY A3 dan menghantar input mengikut Jadual Penghantaran Input Bulanan. Input Bayaran Khas Tahun 2017 boleh dihantar mulai bulan Mac 2018.



PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 01 TAHUN 2018

07 Januari 2018

4. KOD BAYARAN / POTONGAN

- 4.1 Kod bayaran / kutipan balik Bayaran Khas Tahun 2017 adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD SGP	SINGKATAN	PERIHAL
15106	403	BKHAS2017	BAYARAN KHAS TAHUN 2017
15106	698	T.BKHAS	TUNGGAKAN BAYARAN KHAS
15106	767	BLKBKHAS	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS TAHUN SEMASA
29306	404	BHAS2017VT	BAYARAN KHAS TAHUN 2017 VOT TERBUKA
29306	699	T.BKHASVT	TUNGGAKAN BAYARAN KHAS VOT TERBUKA
29306	768	BLKBHASVT	KUTIPAN BALIK BAYARAN KHAS VOT TERBUKA TAHUN SEMASA

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan Laporan Senarai Nama Penerima Bayaran Khas Tahun 2017 kepada semua Kementerian/Jabatan dibawah SGP termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) untuk semakan masing-masing. Laporan berkenaan adalah berdasarkan kepada maklumat anggota dalam SGP.
- 5.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menyemak dengan teliti laporan tersebut dan memastikan Bayaran Khas Tahun 2017 kepada setiap anggota masing-masing adalah teratur dan mematuhi peraturan PPNS Bil. 12/2017. Perhatian hendaklah diberi kepada pegawai yang tidak layak menerima Bayaran Khas Tahun 2017 kerana dikenakan hukuman tatatertib pada tahun 2017 atau mendapat surat pertuduhan daripada Pihak Berkuasa Tatatertib dan kepada Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula.
- 5.3 Ketua Jabatan bertanggungjawab membuat pelarasan semula Bayaran Khas Tahun 2017 yang telah dibayar jika berlaku salah bayaran. Pelarasan hendaklah dibuat melalui Sistem e-Pay A3 dan dihantar bersama input gaji bulan Mac 2018.
- 5.4 Ketua Jabatan selaku pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot berkenaan adalah mencukupi untuk membayar Bayaran Khas Tahun 2017 ini. Jika peruntukan tidak mencukupi, pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 01 TAHUN 2018

07 Januari 2018

6. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

- 6.1 Bayaran Khas Tahun 2017 kepada PSH akan dibayar pada minggu ke empat bulan Januari 2018. Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan menyediakan Borang JBN. 04 untuk Bayaran Khas Tahun 2017 dalam Sistem Upah Harian. Tarikh mengisi Borang JBN. 04 untuk Bayaran Khas Tahun 2017 dalam Sistem Upah Harian ialah mulai 10 Januari 2018 hingga 15 Januari 2018. Baucar Bayaran Am hendaklah sampai ke kaunter penerimaan JBNS pada 18 Januari 2018.
- 6.2 Ketua Jabatan bertanggungjawab memastikan PSH memenuhi syarat berkhidmat sekurang-kurangnya 90 hari berturut-turut pada tahun 2017. Salinan Borang JBN. 04 tahun 2017 hendaklah dikepilkan bersama sebagai sokongan yang melayakkan PSH berkenaan diberi Bayaran Khas Tahun 2017.
- 6.3 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kelewatan pembayaran Bayaran Khas Tahun 2017 kepada PSH di Jabatan masing-masing kerana tidak mematuhi tarikh yang ditetapkan di para 6.1 ataupun mendapat teguran kerana terdapat PSH yang tidak layak diberi Bayaran Khas Tahun 2017 kerana tidak memenuhi syarat seperti di para 6.2.
- 6.4 Jabatan yang tidak mengisi Borang JBN. 04 pada tarikh yang ditetapkan di para 6.1 hendaklah memproses Bayaran Khas Tahun 2017 bersekali dengan bayaran upah bulanan PSH berkenaan.

7. PENUTUP

Sebarang kemosyikilan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan ke Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-368366 atau 088-368517 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”


(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

JL/jet 


s.k. Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Menara Khidmat
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p : Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1, Blok A
Wiisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU
u.p : Encik David Augustine
Puan Kamariah Abas
Cik Elizabeth Tai
Puan Rafidah Ali Hassan
Encik Yazid Yuzairie Yunos
Encik Shahiddin Jainuddin